

ديوان ايكونومي

DEWAN EKONOMI

Wadah Ekonomi Mutakhir

LAPORAN KHAS

Rasuah: "Merompak"
Ekonomi Negara

Merealisasikan Potensi
Perdagangan Malaysia-Turki

RMK-12: Membentuk Naratif
Baharu Ekonomi



BUBBLEBEE
SWEET, AS YOUR SMILE!

**PENERAJU MINUMAN BOBA
CAMPURAN MADU ASLI
DI MALAYSIA**



BUBBLEBEE
SWEET, AS YOUR SMILE!



DBP

Bil. 12, 2021 | Semenanjung Malaysia: RM16.50 | Brunei Darussalam: B\$6.50 | Singapura: S\$6.50

KK 330-91228-1221
ISSN 0128-8520



9 770128 852133

KANDUNGAN

JILID 28 • BIL. 12/2021/1443H • KK 330 91228 1221 • ISSN 0128-8520

- | | | | |
|-------|---|-------|--|
| 3 | Komentor Pembaca
Harapan 2022 untuk <i>DE</i>
Pie Raffie | 46-48 | Inovasi
Siswazah Memperkasakan Keusahawanan
Zainal Jumat |
| 4 | Catatan kepada Pembaca
Tinggalkan Kesuraman Ekonomi 2021
Abd. Kadir Mohd. Ayub | 49-51 | Inovasi
Ekonomi Hijau ke Arah Masa Depan yang Lestari
Naziatul Aziah Mohd. Radzi |
| 5 | Baca dan Fikir | 52-53 | Pengurusan dan Strategi
Pertanian Pintar: Peluang Baharu untuk
Sektor Koperasi
Safinah Saupi |
| 6-7 | Infografik | 54-55 | Ruang Minda
Belanjawan 2022 untuk Wanita dan Kanak-kanak
Madeline Berma |
| 18-19 | MNI Menulis ...
Kes Evergrande: Dominasi Industri Hutang,
Marhaen Merana
Mohd. Nazari Ismail | 56-57 | Ruang dan Waktu
Komuniti dan Ekonomi: Ceritera 2021
Noorsidi Aizuddin Mat Noor |
| 20-22 | Sosioekonomi
Duti Hiburan dalam Pembangunan Perfileman Tempatan
Daniyal Kadir | 58-59 | Industri
Gaji Graduan Kejuruteraan Masih di Takuk Lama?
Ashraf Fauzi |
| 23-25 | Sosioekonomi
RMK-12: Membentuk Naratif Baharu Ekonomi
Khairul Anwar Mohd. Nor | 60-61 | Pemikiran
Data Sains Ekonomi Tamadun Melayu
Mohammad Alinor Abdul Kadir |
| 26-28 | Minda Insan
Disember Bertandang Lagi...
Zafir Khan Mohamed Makhbul | 62-63 | Dari Anjung Dewan
Dayang Fina |
| 29-31 | Ekonomi Antarabangsa
Merealisasikan Potensi Perdagangan Malaysia-Turki
Faizul Zubairi | 64 | Istilah Semasa |
| 44-45 | Ekonomi dalam Negeri
Eksport Berkembang Pesat, Rakyat Masih Menganggur?
Arham Merican | | |
| <hr/> | | | |
| 8-13 | Rencana Utama
Manfaat di Sebalik Belanjawan Terbesar Negara
Shah Mohd Akmal Abdul Halim | | |
| 14-17 | Rencana Utama
Belanjawan 2022: Antara Matlamat dengan Realiti
Nasarudin Arshad | | |
| 32-36 | Korporat
Bubblebee Sdn. Bhd.: Peneraju Minuman Boba Campuran Madu Asli di Malaysia
Fatin Syazana Zulkafali | | |
| 37-40 | Tokoh Korporat <ul style="list-style-type: none">• Hampir Putus Asa dalam Perniagaan• Cabar Kemampuan Diri, Ubah Kehidupan Baharu• Tidak Kekok dalam Dunia Perniagaan• Kreativiti dan Inovasi Tangga Kejayaan Fatin Syazana Zulkafali | | |
| 41-43 | Laporan Khas
Rasuah "Merompak" Ekonomi Negara
Noor Mohamad Shakil Hameed | | |



INOVASI

OLEH: NAZIATUL AZIAH MOHD. RADZI



EKONOMI HIJAU KE ARAH MASA DEPAN YANG LESTARI

lestari seperti yang telah digariskan dalam matlamat pembangunan lestari (SDG).

Prinsip dan Konsep Ekonomi Hijau

Artikel berjudul *Philosophical Foundations of the Concept of Green Economy* yang diterbitkan pada tahun 2018 oleh jurnal *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* telah menghuraikan beberapa prinsip utama yang mendasari kejayaan pelaksanaan Ekonomi Hijau. Prinsip tersebut merupakan prinsip sistem, integriti dan juga beretika. Prinsip sistem adalah resipi utama memandangkan Ekonomi Hijau berfungsi sebagai sistem dinamik kompleks yang mengandungi subsistem yang lengkap dan saling berinteraksi. Dalam sistem ini, ekonomi, masyarakat dan alam sekitar saling berhubung, melengkap dan berintegrasi sebagai asas kestabilan dalam ekonomi hijau. Sistem ekonomi adalah sebahagian daripada masyarakat dan sistem semula jadi. Subsistem sosial terhasil daripada proses hidup manusia. Kepentingan dalam sistem ekonomi berhubung dengan kepentingan pembangunan sistem ekologi. Asas bagi formasi dan pembangunan ekonomi hijau ialah sistem alam sekitar.

Prinsip seterusnya berkaitan dengan integriti. Pelaksanaan ekonomi hijau melibatkan koordinasi semua ejen dan sistem. Sebagai contoh, usaha bagi mengatasi isu pencemaran alam sekitar dan pengurangan sumber tidak boleh dipisahkan daripada keseluruhan sistem yang holistik di dunia. Perkara ini perlu mempertimbangkan kesan negatif daripada tindakan manusia seperti kenaikan kos sara hidup dan kualiti penghidupan masyarakat. Integriti bukan sahaja mewakili set dan pilihan elemen, proses ataupun bentuk pembangunan, malah merangkumi hierarki integriti yang bertindak sebagai unsur kepada subsistem. Kewujudan prinsip integriti merupakan aspek penting bagi memastikan penghasilan mekanisme elemen dalam Ekonomi Hijau dapat berfungsi dengan cekap dan

seterusnya dapat menghasilkan tindakan yang membawa kepada pencapaian matlamat yang digariskan dalam Ekonomi Hijau. Integriti akan membawa kepada kesedaran oleh setiap pihak mengenai peranan sebenar yang perlu dimainkan dan tindakan terbaik yang patut dilakukan dalam menggerakkan inisiatif Ekonomi Hijau.

Prinsip beretika juga merupakan komponen asas kepada inisiatif Ekonomi Hijau. Konsep Ekonomi Hijau telah membawa kepada persoalan yang berkaitan dengan kewujudan dan kelangsungan hidup manusia dalam lingkaran modenisasi dan pembangunan masyarakat yang lestari yang membawa kepada penekanan terhadap peranan komponen etika sebagai tunjang terhadap penghidupan lestari. Dalam kerangka tumpuan kehidupan, gelagat beretika ialah konsep asas dan berperanan sebagai prinsip utama dalam ekonomi hijau termasuklah konsep pembangunan lestari untuk memenuhi keperluan manusia tanpa mengabaikan keupayaan penghidupan generasi masa hadapan bagi melaksanakan tuntutan itu. Jika prinsip beretika tidak wujud dalam kalangan masyarakat, agak sukar untuk mereka menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah yang berperanan menjaga alam ini daripada kerosakan. Nilai beretika mendorong individu untuk melakukan perkara yang diterima dan disarankan mengikut ajaran agama dan sentimen nilai moral. Menjaga alam sekitar merupakan perkara yang dituntut dalam ajaran agama kerana melibatkan kemaslahatan manusia dan juga hidupan lain. Prinsip beretika juga menghendaki manusia bertindak berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, pelepasan bahan kimia di kawasan awam merupakan perkara yang dilarang. Kegagalan mematuhi peraturan ini menunjukkan sikap tidak beretika oleh pelaku tersebut.

Ekonomi Hijau menurut takrifan United Nation Environment Programme (UNEP) ialah peningkatan kesejahteraan manusia dan ekuiti sosial yang memberikan tumpuan ke arah pengurangan risiko alam sekitar dan penyusutan ekologi yang signifikan. Ekonomi hijau dikenal pasti sebagai alat untuk mencapai kelestarian sosial, pembangunan ekonomi dan alam sekitar.

Ekonomi hijau juga dianggap sebagai satu daripada pendekatan bagi menurunkan kadar pelepasan karbon, meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dan keterangkuman sosial. Konsep ekonomi hijau telah meraih populariti yang cukup meluas pada peringkat antarabangsa, nasional dan negeri. Hal ini dikatakan demikian kerana peranan ekonomi hijau secara signifikan mempengaruhi inisiatif dan kualiti kehidupan yang mapan untuk kesejahteraan hidup masyarakat pada masa sekarang dan generasi masa hadapan.

Sungguhpun ekonomi hijau bertindak sebagai agenda penting untuk mencapai matlamat kelestarian alam sekitar untuk kesejahteraan penghidupan sejagat pada masa kini dan masa hadapan serta diperakui pada peringkat global, namun masih kebanyakan orang yang tidak jelas dengan konsep dan prinsip asas yang terkandung dalam agenda ekonomi hijau. Situasi ini memberi cabaran kepada inisiatif yang terkandung dalam agenda Ekonomi Hijau dan seterusnya menjejaskan matlamat ke arah kehidupan

Dasar, Inisiatif dan Pelaksanaan Ekonomi Hijau di Malaysia

Malaysia komited terhadap usaha dan inisiatif bagi melaksanakan agenda Ekonomi Hijau melalui dasar dan inisiatif yang telah dirangka dan diperkenalkan pada peringkat nasional dan negeri. Dasar Perubahan Iklim Negara yang diluluskan pada 20 November 2009 bertujuan untuk memastikan pembangunan yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim bagi memenuhi aspirasi negara dalam menerajui kelestarian. Objektif dasar ini adalah untuk mengenal pasti perubahan iklim melalui pengurusan sumber yang bijaksana dan pemuliharaan alam sekitar untuk memperkukuh daya saing ekonomi dan kualiti hidup, mengintegrasikan respons bagi memperkuatkan daya tahan pembangunan terhadap perubahan iklim yang semasa dan yang dijangka ke dalam dasar nasional, pelan dan program negara serta mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan untuk memanfaatkan peluang baharu untuk mengurangkan impak negatif perubahan iklim. Dasar ini diperkukuhkan lagi dengan lima prinsip, iaitu pembangunan secara lestari, pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli, pelaksanaan secara bersepadu serta penglibatan yang berkesan. Prinsip ini kemudiannya disokong oleh 10 teras strategik dan tindakan utama.

Pelan Induk Teknologi Hijau Malaysia 2017–2030 memfokuskan enam sektor utama, iaitu tenaga, perkilangan, pengangkutan, pembinaan, air dan sisa dan berusaha untuk mengharmonikan kesemua sektor ini dengan sasaran polisi bagi mencapai penggunaan lestari sumber asli. Pelan ini menyasarkan lima teras strategik, iaitu pengukuhan kerangka institusi, menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pembangunan teknologi hijau, meningkatkan pembangunan modal insan dalam teknologi hijau, meningkatkan penyelidikan dan inovasi teknologi hijau, dan promosi serta kesedaran awam. Dalam dasar ini turut menyatakan bahawa pihak berkepentingan berperaku masa depan teknologi hijau bergantung pada beberapa faktor antaranya hala tuju polisi dan sinergi antara pihak berkepentingan, instrumen, infrastruktur dan fasilitet ekonomi, kecekapan kos dan harga tenaga, kemajuan

teknologi dan inovasi serta kesedaran, pendidikan dan guna tenaga kerja.

Kerajaan turut memperkenalkan kerangka dan sistem penilaian bandar rendah karbon pada tahun 2011 melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada ketika itu. Kerangka dan sistem penilaian ini merupakan rentetan daripada Dasar Teknologi Hijau Negara yang berpaksikan teknologi hijau sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan mapan. Dasar Teknologi Hijau bertujuan untuk menyelaraskan pertumbuhan industri Teknologi Hijau dan meningkatkan sumbangan Teknologi Hijau terhadap ekonomi negara, membantu pertumbuhan dalam industri Teknologi Hijau dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara. Dasar ini juga menyokong peningkatan keupayaan bagi inovasi dalam pembangunan Teknologi Hijau dan meningkatkan daya saing dalam Teknologi Hijau di persada antarabangsa. Di samping itu, hal ini bertujuan untuk memastikan pembangunan mapan dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang dan meningkatkan pendidikan serta kesedaran awam terhadap Teknologi Hijau dan menggalakkan penggunaan meluas Teknologi Hijau. Bagi menyokong dasar ini, lima teras strategik utama diperkenalkan, iaitu mengukuhkan kerangka institusi, menyediakan persekitaran pembangunan teknologi hijau yang kondusif, memperkukuh pembangunan modal insan dalam teknologi hijau, menggiatkan penyelidikan dan inovasi teknologi hijau, promosi dan kesedaran awam.

Kaedah sifar penggunaan plastik sekali guna dimanifestasikan melalui Hala Tuju Malaysia ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018–2030: Ke Arah Masa Depan yang Lestari. Setelah meneliti permasalahan yang berpunca daripada plastik ke arah kelestarian alam seperti pencemaran plastik, kadar kitar semula yang rendah untuk sisa plastik, tidak bersifat mesra alam dan alternatif efektif kos serta tiada kerangka polisi yang seragam, maka penyelesaiannya adalah dengan pelan tindakan hala tuju. Prinsip utama yang menjadi tunjang hala tuju ini melibatkan perkongsian tanggungjawab, pembangunan lestari,

prinsip pengawasan, penglibatan, sistem tadbir urus yang baik dan dokumen nyata. Pihak berkepentingan yang bertanggungjawab ialah kerajaan pusat, kerajaan negeri, pengilang, pembekal, operator perniagaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat.

Pelan Tindakan Cepak Tenaga Nasional memfokuskan strategi bagi koordinasi yang lebih baik dan pelaksanaan pengukuran kos efektif dalam sektor industri, komersial dan penempatan yang akan membawa pengurangan penggunaan tenaga dan penjimatan ekonomi oleh pengguna dan negara. Walau bagaimanapun, pelan ini hanya menumpukan kepada penggunaan tenaga elektrik dan tidak meliputi aspek lain dalam sektor tenaga. Terdapat empat teras utama dalam pelan tindakan ini iaitu pelaksanaan pelan tindakan cepak tenaga, pengukuhan kerangka institusi, pembangunan modal dan latihan bagi pelaksanaan inisiatif cepak tenaga, penubuhan mekanisme dana lestari untuk melaksanakan inisiatif cepak tenaga dan mempromosikan pelaburan sektor swasta dalam inisiatif kecekapan tenaga.

Selaga dasar yang diperkenalkan membuktikan iltizam kerajaan ke arah agenda ekonomi hijau bagi mencapai matlamat kelestarian untuk kehidupan yang sejahtera dan mapan. Kesemua objektif dasar ini kemudiannya dirangkumkan dan telah dinyatakan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, prinsip panduan kedaulatan dan kelestarian dan pemboleh daya kelestarian. Ekonomi hijau menjadi tumpuan apabila bertindak sebagai Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang ke-12, yakni menekankan aktiviti berkarbon rendah, sumber efektif dan menyeluruh yang merangkumi aktiviti seperti bangunan hijau, pengangkutan dan mobiliti lestari, kedaulatan dan jaminan bekalan makanan, tenaga dan lautan, produk gantian plastik, bandar pintar dan lestari, pembangunan pesisir yang mampan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, teknologi adaptasi iklim dan pertanian organik. Selain itu, menerusi Belanjawan 2020 yang diumumkan pada penghujung Oktober lepas turut memberikan tumpuan kepada agenda

kelestarian negara menerusi inisiatif bagi amalan rendah karbon serta alam sekitar dan biodiversiti.

Cabaran Pelaksanaan Ekonomi Hijau

Walaupun pelbagai usaha difokuskan dan agenda dan matlamat Ekonomi Hijau, keadaan ini turut berdepan dengan cabaran antaranya termasuklah *policyvoid* ataupun pembatalan polisi. Hal ini terjadi berikutan kelonggaran dalam penguatkuasaan undang-undang dan ketidakseriusan dalam pemantauan. Situasi ini menyebabkan tidak semua pihak dapat memberikan komitmen terhadap inisiatif dan amalan yang terkandung dalam prinsip Ekonomi Hijau. Penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan berkala merupakan aspek penting bagi memastikan inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif. Sebagai contoh, kerajaan memperkenalkan dasar dan inisiatif yang perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan ke arah mencapai matlamat ekonomi hijau, namun berikutan ketiadaan pemantauan yang konsisten maka polisi itu terbatal dengan sendirinya.

Pendekatan Ekonomi Hijau memerlukan kajian yang berterusan dan sumber pemikiran yang inovatif. Oleh itu, jumlah peruntukan dana yang banyak diperlukan untuk tujuan ini. Insentif dan dana daripada kerajaan berperanan sebagai pemangkin pencapaian matlamat Ekonomi Hijau, namun kerajaan juga memikul tanggungjawab ke atas perbelanjaan mengurus dan pembangunan lain yang turut sama penting. Kerajaan terpaksa memilih projek yang meningkatkan kapasiti pembangunan sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, peruntukan stimulus hijau turut memainkan peranan penting kerana usaha terhadap Ekonomi Hijau merupakan satu langkah tepat bagi menjamin kelestarian masyarakat dan negara dalam jangka panjang. Kerajaan disarankan memberikan penekanan kepada inisiatif mesra Ekonomi Hijau. Malaysia agak ketinggalan berbanding dengan rakan daripada negara Asia lain seperti Jepun yang telah mengenakan cukai pencemaran dan karbon serta pemberian subsidi hijau sebagai langkah mengurangkan kadar pelepasan karbon serta pencemaran selain menggalakkan

daya saing dalam kalangan pihak berkepentingan. Indonesia, Thailand dan Vietnam kini mempertimbangkan pelaksanaan *Environmental Transaction Screen* (ETS), manakala China, Kazakhstan dan Tokyo telah melaksanakannya (Bank Dunia 2021).

Selain itu, cabaran yang dihadapi pada peringkat mikro dianggap sebagai kapasiti kesedaran dan pengetahuan yang masih rendah terutamanya dalam kalangan masyarakat terhadap prinsip dan kepentingan amalan hijau kepada mereka dan generasi kemudian khususnya. Tahap kesedaran dan pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat sangat penting bagi membentuk tingkah laku yang bertanggungjawab untuk melaksanakan agenda ekonomi hijau. Masyarakat perlu dipupuk dengan kesedaran dan pengetahuan agar mereka boleh turut serta sebagai agen yang proaktif dalam melaksanakan inisiatif ekonomi hijau. Masyarakat memiliki peranan yang signifikan supaya agenda kelestarian dapat dilaksanakan tanpa sebarang kompromi. Jika mereka tidak memahami prinsip amalan yang terkandung dalam ekonomi hijau, maka segala dasar dan polisi yang diperkenalkan hanyalah sekadar retorik sahaja.

Sikap integriti yang semakin hilang dalam kalangan pihak berkepentingan terutamanya pemilik syarikat dan perniagaan serta pihak berkuasa turut memberikan cabaran kepada pelaksanaan agenda Ekonomi Hijau di Malaysia. Hal ini berikutan mereka lebih tertarik dengan keuntungan material dan bersifat individualistik tanpa memikirkan akibat daripada kerakusan mereka. Banyak syarikat yang beroperasi telah melepaskan sisa karbon dan sisa buangan ke dalam sungai sehingga mengakibatkan pencemaran dan akhirnya memberikan impak negatif terhadap keseimbangan ekosistem alam sekitar. Kejadian pencemaran di Pasir Gudang Johor pada tahun 2019 yang berpunca daripada sisa kimia terlarang yang dibuang di Sungai Kim Kim sepatutnya dijadikan iktibar kerana membawa mudarat kepada kualiti kesihatan dan kesejahteraan sosial masyarakat. Masyarakat tidak bebas untuk keluar, sekolah terpaksa ditutup sehinggakan ada yang perlu keluar dari

kawasan tersebut bagi memastikan keselamatan mereka dan ahli keluarga terjamin. Hal ini berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab segelintir pihak yang mementingkan diri sendiri.

Sikap integriti dan beretika perlu ada dalam setiap pihak bagi memastikan pelaksanaan amalan Ekonomi Hijau menjadi realiti dan bukan hanya fantasi. Pemilik syarikat perlu tahu batas dan perkara yang betul ataupun hal yang bertentangan dengan amalan ekonomi hijau dalam operasi syarikat. Pembangunan di kawasan rizab hutan merupakan perkara yang patut dielakkan agar kejadian bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir dapat dikurangkan. Tarahan hutan di Tanah Tinggi Cameron untuk aktiviti pertanian, menggondolkan hutan di Tasik Chini bagi memperoleh sumber alam dan penerokaan hutan di hutan rizab Selangor untuk aktiviti pembangunan boleh dijadikan tanda aras betapa rapuhnya sistem penguatkuasaan dan pemantauan terhadap mengawal kawasan rizab hutan. Pihak berkuasa juga perlu memiliki sikap integriti dalam aspek pemantauan dan pengawalan tanpa ada sebarang kompromi dengan mana-mana pihak yang berkepentingan peribadi. Pihak berwajib seharusnya lebih peka demi memastikan koordinasi pengawalan dan pemantauan berada pada landasan yang betul agar kejadian pencemaran dan penerokaan rizab hutan tidak terus berulang.

Bagi memastikan agenda Ekonomi Hijau dapat direalisasikan dan mencapai matlamat, beberapa perkara perlu dilaksanakan dan ditambah baik. Antaranya termasuklah penyediaan kerangka mekanisme pelaksanaan Ekonomi Hijau. Kerangka tersebut perlu merangkumi fasa sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan inisiatif dan program yang berkaitan dengan melibatkan pelbagai pihak dari semua peringkat bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif Ekonomi Hijau. ^{DE}

Dr. Naziatul Aziah Mohd Radzi,
Pensyarah Kanan, Fakulti Hospitaliti,
Pelancongan dan Kesejahteraan,
Universiti Malaysia Kelantan.
